

Implikasi Bajet 2008 ke atas dunia buku

Oleh ROOSFA HASHIM

U.M. M/S 11 12.9.07

BAJET 2008 memberi kesan langsung kepada dunia perbukuan negara ini khususnya ke atas penerbit, pengarang dan penjual buku. Bajet 2008 juga menguntungkan pelajar dan guru yang bergelumang dengan buku berikutan pengumuman kerajaan untuk memberi pendidikan percuma kepada semua 5.7 juta pelajar di negara ini dengan menghapuskan yuran pendidikan sekolah rendah dan menengah.

Kerajaan juga bersetuju memberi buku teks percuma kepada semua pelajar sekolah rendah dan menengah. Kemudahan itu, sekali gus memberi manfaat kepada lebih tiga juta keluarga yang mempunyai anak-anak yang bersekolah di negara ini.

Kerajaan kini menyediakan lebih RM440 juta untuk bantuan makanan dan buku teks percuma dan dengan pengumuman ini, bermakna kerajaan terpaksa mengeluarkan peruntukan tambahan lebih RM117 juta bagi bantuan buku teks percuma untuk semua pelajar. Ini tidak termasuk kemudahan kepada pelajar sekolah menengah agama yang tidak lagi perlu membayar yuran peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia serta kenaikan elaun sara hidup pelajar tajaan kerajaan di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Kanada sehingga 97 peratus.

Habuan yang diberikan oleh kerajaan itu bukan sahaja dinikmati oleh golongan berpendapatan rendah, tetapi turut dikecapi oleh mereka yang berpendapatan tinggi.

Pemberian buku teks percuma kepada semua pelajar tanpa mengambil kira status dan latar belakang ibu bapa dan penjaga memang akan menguntungkan banyak pihak. Para guru dijangka dapat memulakan pengajaran dengan lebih awal. Murid dan ibu bapa tidak lagi berdepan dengan masalah buku tidak sampai ke kedai buku. Guru dan pihak sekolah tidak lagi sibuk menguruskan borang permohonan skim pinja-

man buku teks. Menteri Pelajaran juga tidak lagi perlu menjawab masalah buku teks lambat siap setiap kali sekolah dibuka.

Sungguhpun kakitangan awam menyambut Bajet 2008 tanpa bonus, namun, kenaikan gaji yang diperoleh sejak Julai lalu jika ditambah dengan penjimatan kerana tidak lagi perlu membeli buku teks memberikan baki yang agak besar kepada golongan sektor awam. Lebihan wang ini sebaik-baiknya digunakan untuk membeli buku ilmu pengetahuan. Jika tidak, negara kita akan kekal sebagai negara kuasa membeli buku rakyatnya rendah.

Ibu bapa dan penjaga mesti berazam supaya menggunakan wang tersebut bagi membeli buku ilmu pengetahuan selain buku ulang kaji untuk anak-anak mereka. Dengan kuasa membeli buku di kalangan rakyat Malaysia yang rendah jika ini tidak dilakukan, akan menghumban nama Malaysia merudum ke tangga lebih jauh dari segi pembelian buku per ringgit mahupun bagi setiap rakyat negara ini. Malaysia tidak berada dalam senarai 30 negara yang rakyatnya paling banyak berbelanja untuk buku.

Negara kita kini boleh dianggap termasuk ke dalam kelompok elit negara yang menawarkan pendidikan percuma, sebagaimana negara-negara Scandinavia. Namun demikian, Denmark, Finland, Norway dan Sweden selain dikenali sebagai kelompok negara di dunia yang menawarkan pendidikan percuma, negara-negara ini juga tergolong dalam kelompok negara yang rakyatnya banyak membeli buku.

Pada tahun 2005, Amerika Syarikat, Jepun, Jerman dan United Kingdom berada di tangga teratas dalam senarai 30 negara paling banyak jualan bukunya. Termasuk dalam senarai ini ialah kesemua negara Scandinavia dan Singapura berada di tangga ke-22. Negara Asia lain ialah China, India, Korea Selatan dan Taiwan masing-masing berada di tangga keenam,

13, 14 dan 20.

Mungkin ada yang menepelak bahawa Singapura menjadi orang tengah berjual beli buku untuk edaran rantau Asia Tenggara. Tapi jangan lupa, jika diukur pembelian purata buku per kepala rakyatnya, Singapura berada di tangga keempat dunia bersama-sama Amerika Syarikat.

Tiga negara lain yang rakyatnya banyak membeli buku dan berada di tangga paling atas ialah Jepun, Norway dan Jerman. Negara Asia lain ialah Taiwan (tangga ke-22) dan Korea Selatan (tangga ke-30).

Percuma

Kebanyakan negara yang memberikan pendidikan percuma kepada rakyatnya kuat membeli buku - kuat membaca. Ciri ini belum ada pada rakyat Malaysia. Bahkan, pemberian buku secara percuma dan pemansuhan yuran jika tidak diikuti usaha menanam tabiat membeli dan membaca buku akan membawa kesan sebaliknya.

Pembelian buku secara terus oleh Kementerian akan memberi kesan kepada beberapa pihak dalam industri buku. Ibu bapa tidak lagi membeli buku setiap tahun dan kementerian pula akan hanya menambah pembelian pada kadar yang rendah bagi menggantikan buku yang hilang, lusuh atau rosak. Paling banyak, buku teks akan diulang cetak pada kadar 25 peratus. Penggunaan buku ini akan digilir oleh pelajar setiap tahun.

Oleh itu, penerbit tidak akan dapat membuat keuntungan besar setiap tahun. Akibatnya, penulis buku juga tidak akan mendapat royalti yang besar. Ini akan mematinat semangat di kalangan penulis. Perlu pula diingat, kadar royalti dan honorarium penulisan dan penerbitan buku di negara kita juga masih agak rendah.

Penjual buku kecil-kecilan yang selama ini terhimpit oleh monopoli sebuah syarikat besar yang bernaung di bawah

projek-projek penerbitan buku oleh Dewan Bahasa dan Pustaka akan semakin terhimpit tanpa peluang menjual buku teks.

Mengikut edisi terbaru Direktori Industri Buku Malaysia terdapat sekitar 100 penjual buku yang berdaftar di bawah Persatuan Penjual Buku Malaysia dan kira-kira 60 lagi bernaung di bawah Persatuan Kontraktor Buku Malaysia. Dan, jangan lupa ada banyak lagi yang tidak menganggotai kedua-dua persatuan ini tetapi bergantung kepada penjualan buku teks. Tanpa mendapat keuntungan daripada penjualan buku teks, apakah nasib mereka selepas musim persekolahan 2008?

Selain memansuhkan yuran persekolahan dan memberikan buku teks secara percuma, kerajaan harus mengajak rakyat terus membeli buku. Dewan Bahasa dan Pustaka, Perpustakaan Negara Malaysia, persatuan pembacaan, persatuan pustakawan, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan banyak institusi dan pertubuhan yang berkaitan dengan buku patut menggembleng tenaga dalam menggerakkan minat membaca.

Usaha Perpustakaan Negara Malaysia menerusi kempen membaca kebelakangan ini tidak menampakkan hasil yang jelas dan berkesan. Dengan jumlah rakyat yang semakin ramai, jumlah pelajar yang besar, cabaran Internet, bentuk kempen yang lebih berstrategi patut dilaksanakan.

Pesta Buku Kuala Lumpur juga masih di takuk lama sekadar menghimpun penerbit bagi menjual buku. Usaha yang lebih banyak dan berkesan mesti digerakkan. Jika tidak, langkah kerajaan memberikan pendidikan percuma akan turut memberi sumbangan ke arah melembapkan industri buku di negara ini.

ROOSFA HASHIM ialah pensyarah di Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.